

Konsep *muḍārabah* Menurut Perspektif Muamalat Islam

Arphandee Mahmud Hasan *

Abstrak

Kajian ini secara umumnya membincang tentang konsep *muḍārabah* menurut perspektif muamalat Islam. Perbincangan dalam kajian ini tertumpu kepada rukun dan syarat *muḍārabah*, jenis-jenis *muḍārabah*, perkembangan jenis *muḍārabah* dan pelaksanaannya, sifat *muḍārabah* dan pembatalan kontraknya. Pada umumnya kajian ini berasaskan kajian kepustakaan dan datanya dianalisis menerusi pendekatan tafsir kualitatif berasaskan metode deduktif. Daripada kajian ini didapati bahawa *muḍārabah* merupakan salah satu produk pelaburan yang harus diamalkan kerana ia bertepatan dengan konsep muamalat Islam. *Muḍārabah* merupakan satu elemen pelaburan dan menjadi alternatif utama bagi pemilik modal untuk memperkembangkan ekonominya di masa kini. Sistem ekonomi Islam terus berkembang menyebabkan cara pelaksanaan produk *muḍārabah* dan jenisnya terus berkembang menurut perkembangan masa. Lantaran itu lahirlah jenis-jenis yang baru untuk memenuhi keperluan para pelabur seperti *muḍārabah musytarikah*, *muḍārabah muntahiyah bi al-tamlik* dan *muḍārabah fardiyyah*.

บทคัดย่อ

บทความนี้ศึกษาเกี่ยวกับหลักการมูออรอบะฮ์ตามทัศนะของอิสลาม การศึกษาได้เน้นถึงองค์ประกอบและเงื่อนไข ประเภทของมูออรอบะฮ์ พัฒนาการประเภทของมูออรอบะฮ์และวิธีการปฏิบัติ ตลอดจนลักษณะและความเป็นโมฆะของสัญญามูออรอบะฮ์ บทความนี้ได้รวบรวมข้อมูลจากเอกสารและตำราทางวิชาการทั้งในอดีตและปัจจุบัน การวิเคราะห์ข้อมูลใช้วิธีการบรรยายเชิงคุณภาพและการวิเคราะห์แบบอุปมาน ผลการศึกษาพบว่ามูออรอบะฮ์เป็นการร่วมลงทุนที่ถูกต้องตามหลักการอิสลาม และเป็นทางเลือกสำคัญอีกทางหนึ่งสำหรับนักลงทุนในการพัฒนาเศรษฐกิจในยุคปัจจุบัน การพัฒนาอย่างต่อเนื่องของระบบเศรษฐกิจอิสลามเป็นผลทำให้ประเภทของมูออรอบะฮ์ได้รับการพัฒนาอย่างเป็นระบบเพื่อตอบสนองความต้องการของผู้ลงทุน เช่น มูออรอบะฮ์ มุชตารีกะฮ์ มูออรอบะฮ์มุนตาสียะฮ์ บิ อัล ตัมลิก และมูออรอบะฮ์ฟัรดียะฮ์

Pendahuluan

Islam merupakan agama yang mengatur sistem hidup manusia yang merangkumi setiap bidang kehidupan seperti ibadah, muamalat dan sebagainya. Pada zaman kegemilangan tamadun Islam, sistem kewangan Islam telah dilaksanakan oleh masyarakat dengan jayanya di beberapa buah Negara Islam. Namun demikian setelah tamadun Islam mengalami kemunduran

*

M.A. dalam jurusan Fiqh dan Usul, Pengkhususan Fiqh Muamalat, Pensyarah di Jabatan Ekonomi Kewangan dan Perbankan, Fakulti sastra dan Kemasyarakatan, Universiti Islam Yala.

pada abad ke-19, tamadun barat telah mengambil tempat dan berkembang pada segala sistem, tidak kecuali sistem politik, ekonomi dan sebagainya.

Dewasa ini, masyarakat Islam mula mendapat kesedaran untuk mengaplikasikan semula sistem-sistem yang telah digariskan oleh syariat Islam. Ini hasil dari kefahaman yang mendalam dalam kalangan masyarakat Islam terutama sistem kewangan Islam. Oleh yang demikian, institusi-institusi kewangan Islam cuba menawarkan beberapa produk kewangan yang berdimensi Islam sebagai alternatif utama bagi masyarakat seperti *wadī'ah*, *muḍārabah*, *baī' bi thaman 'ājil* dan sebagainya. Justeru, penulis terdorong untuk mengkaji dan memaparkan kepada masyarakat tentang konsep *muḍārabah* menurut perspektif muamalat Islam. Semoga kajian ini sedikit sebanyak memberi pengetahuan kepada masyarakat terutama bagi mereka yang belum mengenali konsep *muḍārabah* yang sebenar.

Konsep *Muḍārabah*

Muḍārabah berasal dari kata dasar "*ḍarb*" yang membawa erti memukul atau berjalan. Pengertian memukul atau berjalan ini lebih tepat merujuk kepada proses seseorang memukulkan kakinya ke atas tanah untuk mencari rezeki. (Ibn Manẓūr, 1990: 544).

Perkataan *muḍārabah* ertinya sama dengan perkataan *qirāḍ* yang berasal daripada kata "*qarḍ*" yang bererti potongan kerana pemilik modal (*rab al-māl*) akan memotong sebahagian daripada hartanya dan diserahkan kepada pengusaha (*al-ʿāmil* atau *al-muḍārib*). Perkataan *muḍārabah* adalah perkataan yang sering digunakan oleh penduduk Iraq, sedangkan perkataan *qirāḍ* adalah perkataan yang selalu digunakan oleh penduduk Hijaz. (al-Buhūtī, 1982: 507). Kedua-dua perkataan ini mempunyai maksud yang sama iaitu memberi modal kepada seseorang untuk diperniagakan dan keuntungannya dibahagi mengikut persetujuan bersama. (Ibn Manẓūr, 1990: 217; Ibrāhīm Anīs, *et al.*, t.t: 727).

Para fuqaha' telah menghuraikan pengertian *muḍārabah* dari segi syarak dengan berbagai-bagai definisi tetapi semuanya memberi pengertian yang tidak begitu jauh berbezaannya. Fuqaha' mazhab Hanafi mentakrifkan *muḍārabah* sebagai suatu akad atau kontrak perkongsian keuntungan yang dilakukan oleh pemilik modal dan pengusaha. (Ibn Nujaym, 1993: 263). Manakala fuqaha' mazhab Maliki dan Syafi'i mengatakan *muḍārabah* ialah suatu akad atau kontrak perwakilan yang dilakukan oleh pemilik modal dengan seseorang untuk diniagakan dan keuntungan akan dibahagi mengikut kadar yang telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. (al-Dusūqī, 1998: 799; Ibn Rusyd, t.t: 178; al-Ramli, 1984: 220). Adapun fuqaha' mazhab Hanbali pula mengatakan bahawa *muḍārabah* adalah pemberian harta atau modal oleh seseorang kepada seseorang yang lain bertujuan untuk diperniagakan, manakala keuntungannya akan dibahagikan mengikut perjanjian yang telah disepakati. (Ibn Qudāmah: 1994: 134).

Ahmad Irsyid (2001: 41) dan Muhammad ^oUthmān Syibir (1999: 347) fuqaha' kotemporari menyimpulkan konsep *muḍārabah* yang diamalkan oleh Bank Islam pada masa ini sebagai satu elemen dalam pelaburan modal yang berbentuk kontrak perkongsian antara beberapa orang pemilik modal dengan pengusaha yang berpengalaman.

Daripada perbincangan di atas, didapati pengertian *muḍārabah* yang dikemukakan oleh para fuqaha' tidak ada perbezaan yang ketara. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa *muḍārabah* merupakan segala bentuk transaksi yang melibatkan dua belah pihak di mana satu pihak menyediakan modal dan pihak lain yang mengusahakan modal tersebut. Keuntungan yang diperoleh dari perusahaan tersebut akan dibahagi menurut persetujuan yang telah disepakati bersama. Manakala kerugian akan ditanggung oleh pemilik modal sahaja selagi mana kerugian itu bukan akibat daripada kelalaian dan kecuaiian pengusaha. Manakala kerugian pengusaha adalah dalam bentuk kerugian tenaga dan masa yang telah dikorbankan. Oleh itu, hal ini dianggap adil bagi kedua-dua belah pihak apabila pemilik modal menanggung segala kerugian modalnya dan pengusaha bertanggungjawab atas kerugian masa dan tenaganya.

Fuqaha' telah sepakat atas keharusan kontrak *muḍārabah* berdasarkan dalil al-Quran, Hadis dan Ijmak para ulama antaranya ialah firman Allah ﷻ

﴿وَأَخْرُونَ بِضْرِيُونَ فِي الْأَرْضِ يَبْتَغُونَ مِنْ فَضْلِ اللَّهِ ﷻ﴾

Terjemahan: Dan orang-orang yang musafir di bumi untuk mencari rezeki dari limpah kurnia Allah. (Surah al-Muzammil, 73: 20).

Pensyariatan *muḍārabah* juga dapat difahami daripada hadis-hadis Rasulullah ﷺ antaranya sabda Rasulullah ﷺ

"عَنْ صَالِحِ بْنِ صُهَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثَلَاثٌ فِيْهِنَّ الْبَرَكَةُ الْبَيْعُ إِلَى أَجَلٍ، وَالْمُقَارَضَةُ وَأَخْلَاطُ الْبُرِّ بِالشَّعِيرِ لِلْبَيْتِ لَا لِلْبَيْعِ"

Maksudnya: Dari Ṣālih Ibn Suhayb daripada bapanya berkata sabda Rasūlullāh ﷺ: tiga hal yang di dalamnya terdapat keberkatan; Jual beli secara tangguh, *muqāḍadah* (*muḍārabah*) dan mencampur gandum dengan tepung untuk keperluan rumah (keluarga) bukan untuk dijual. (Ibn mājah, Sunan, Bab: al-syarikah, No: 2289).

Para fuqaha' telah bersepakat mengatakan bahawa *muḍārabah* adalah suatu amalan yang diharuskan oleh syarak. Ia juga selaras dengan al-Quran, *al-Hadith* dan amalan-amalan para sahabat, bahkan ia merupakan keperluan hidup bagi masyarakat masa kini dalam mengembangkan modal

untuk menghasilkan keuntungan melalui kontrak *muḍārabah*. (al-Kasānī, 1982: 79; al-Bahūṭī, 1982: 507; Ibn Rusyd, t.t: 187; al-Ramī, 1984: 219; Ibn Qudāmah, 1994: 135).

Rukun dan Syarat Kontrak *Muḍārabah*

Para fuqaha' telah menjelaskan bahawa *muḍārabah* mempunyai beberapa rukun dan syarat yang perlu dipenuhi, antara rukun dan syaratnya adalah:

i. Lafaz (*Ṣīghah*)

Fuqaha' telah sepakat mengatakan bahawa *ṣīghah* merupakan salah satu rukun *muḍārabah*. Yang dimaksudkan dengan *ṣīghah* ialah lafaz penawaran (*ijāb*) yang dilafazkan oleh pemilik modal dan lafaz penerimaan (*qabūl*) yang dilafazkan oleh pengusaha. lafaz *ijāb* dan *qabūl* menunjukkan keredaan kedua belah pihak dalam sesuatu kontrak. Fuqaha' mazhab Hanafi, Maliki dan Syafi'i berpendapat bahawa pelaksanaan *muḍārabah* bukan setakat penyerahan modal sahaja, malahan dua orang yang berakad *muḍārabah* perlu mengungkapkannya. Tanpa melafazkan *ijāb* dan *qabūl* akan menyebabkan kontrak *muḍārabah* tersebut tidak sah. (al-Kasānī, 1982: 80; al-Dusūqī, 1998: 799; al-Syarbīnī, 1959: 313). Kontrak *muḍārabah* boleh juga dilakukan dengan berbagai bentuk lain yang membuktikan kerelaan kedua-dua belah pihak, baik dengan cara tulisan, isyarat dan sebagainya. (al-Tarkamānī, 1992:39; °Abd al-Karīm Zaydān,1982: 296).

ii. Dua Orang Yang Berakad (*al- °āqidān*)

Yang dimaksudkan dengan dua orang yang berakad ialah pemilik modal (*rab al-māl*) dan pengusaha (*al-muḍārib* atau *al-°amīl*). Pemilik modal (*rab al-māl*) ialah orang yang menyalurkan modalnya kepada pengusaha untuk melaburkannya dalam suatu projek melalui produk *muḍārabah*. Ia hendaklah memenuhi beberapa syarat utama antaranya berakal, baligh dan bukan hamba yang tidak dapat keizinan daripada tuan miliknya. (al-Ramī, 1984: 228; al-Syarbīnī, 1958: 314; Wahbah al-Zuhaylī, 1989: 153). Imam *al-Nawawī* (1995:156) mengatakan harus bagi wali kanak-kanak, orang gila dan orang bodoh untuk mengurusniagakan harta mereka itu sebagai wakil walaupun mereka mempunyai bapa, nenek dan sebagainya.

Pengusaha (*al-°ā mil* atau *al-muḍārib*) adalah seorang yang mewakili pemilik modal untuk berniaga dengan modalnya. Pengusaha disyaratkan sama sifatnya yang ada pada pemilik modal. *Ibn Nujaym* (1993:141-142) dan *al-Syarbīnī* (1958:314) berpendapat bahawa kanak-kanak, hamba dan orang yang bodoh tidak diharuskan untuk mewakili pemilik modal dengan alasan bahawa ia berkemungkinan akan menimbulkan kerugian dan kerosakan terhadap urusaniaga *muḍārabah*. *Mustafā al-Khin* (1992:74) mengatakan tidak harus bagi seorang yang buta untuk mewakili pemilik modal, kerana orang buta tidak layak untuk mengurus perniagaan.

Pemilik modal dan pengusaha tidak semestinya beragama Islam. Fuqaha' mazhab Hanafi berpendapat bahawa kontrak *muḍārabah* boleh dilakukan antara seorang muslim dengan kafir *dhimmi* iaitu kafir yang berada di bawah kerajaan Islam serta mendapat jagaan terhadap hartanya, darahnya dan agamanya atau kafir *musta' man* iaitu kafir yang meminta perlindungan di bawah kerajaan Islam. (al-Kasānī, 1982: 81; Ibrāhīm Anīs, *op.cit*:310). Fuqaha' mazhab Syafi'i dan Hanbali mengharuskan pemilik modal mahupun pengusaha terdiri daripada beberapa orang seperti kontrak *muḍārabah* yang diaplikasikan di bank-bank Islam pada masa kini. (al-Syarbīnī, 1958: 315; al-Nawawī, 1995: 156; Ibn Qudāmah, 1981: 26).

iii. Perkara-perkara yang diakad(al-ma'qūd 'alayh)

Yang dimaksudkan dengan al-ma' qūd 'alayh ialah ra's al-māl, al-'amal dan al-riḥ.

a. Modal (ra's al-māl)

Modal merupakan elemen yang penting bagi sesuatu perniagaan khususnya dalam dunia perdagangan masa kini. Modal juga merupakan salah satu rukun dari beberapa rukun kontrak *muḍārabah*. Ada beberapa ketetapan dan syarat bagi modal pelaburan yang perlu dijelaskan di sini. Jumhur fuqaha' telah bersepakat mengatakan bahawa modal pelaburan *muḍārabah* hendaklah berupa wang tunai yang tersedia ada serta diketahui jumlahnya. Modal tidak boleh berbentuk hutang dan juga dalam bentuk harta tetap atau harta yang diperdagangkan (*al-'urūd*) kerana harga barang perniagaan tersebut selalu berubah mengikut situasi pasaran. Contohnya harga barang (*al-'urūd*) yang dijadikan modal pada masa melakukan kontrak mungkin tidak sama dan berubah pada saat berakhirnya tempoh kontrak. Biasanya barang dagangan tersebut selalu berubah mengikut perubahan keadaan dan pasaran dan ini menyebabkan jumlah modal dan keuntungan tidak jelas. Oleh itu akan timbul unsur-unsur ketidakadilan kerana akibatnya tidak jelas (*al-gharar*) dalam kontrak tersebut. Justeru itu kontraknya dianggap tidak sah. Akan tetapi mereka mengharuskannya jika pemilik modal menyerahkan harta perdagangan (*al-'urūd*) kepada pengusaha dengan syarat pengusaha menjual harta tersebut terlebih dahulu dan wang yang diperolehi daripada jualan tersebut dijadikan sebagai modal pelaburan *muḍārabah*. (al-Sarkhasī, 1993: 33; al-Kasānī, 1982: 82; al-Dusūqī, 1998: 799; al-Syarbīnī, 1958: 310; al-Nawawī, 1995: 143).

b. Perusahaan (al-'amal)

Yang dimaksudkan dengan perusahaan ialah perniagaan(*al-tijārah*) yang akan dilaksanakan oleh pengusaha. Al-Syarbīnī (1958: 311) menjelaskan bahawa tujuan utama bagi *al-tijārah* adalah untuk menghasilkan keuntungan dengan cara jual-beli dan sebagainya. Ibn Qudāmah (1994:162) pula mengatakan bahawa perniagaan atau perusahaan yang akan dilaksanakan dalam kontrak *muḍārabah* mestilah perkara-perkara yang halal di sisi hukum syarak. Imam Malik (1993:107) berpendapat, tidak harus bagi seseorang melaburkan modalnya

kepada pengusaha muslim yang tidak dapat membezakan antara yang halal dan yang haram, juga pengusaha yang menghalalkan sesuatu yang diharamkan oleh hukum syarak.

c. **Keuntungan (*al-ribh*)**

Keuntungan hasil daripada produk *muḍārabah* merupakan salah satu rukun dari beberapa rukun *muḍārabah*. Keuntungan tersebut hendaklah dibahagi mengikut persetujuan yang telah disepakati semasa melakukan kontrak antara pemilik modal dan pengusaha, manakala kerugian yang bukan kerana kelalaian dan kecuaiian pengusaha akan ditanggung oleh pemilik modal sahaja. (Ibn Rusyd, t.t.: 178). Antara syarat penting yang perlu dipenuhi ialah keuntungan yang diperoleh hendaklah dibahagikan atau dikongsikan antara pemilik modal dan pengusaha. Keuntungan juga hendaklah dijelaskan dalam bentuk peratusan atau nisbah pada masa diadakan kontrak. Sekiranya pemilik modal menyerah modal kepada pengusaha dan disyaratkan kedua-dua belah pihak berkongsi keuntungan yang akan diperoleh, maka kontrak tersebut dianggap sah walaupun tidak menentukan kadar keuntungan bagi mereka berdua. Dalam hal ini keuntungan dibahagi sama banyak kerana perkongsian merupakan milik bersama antara pemilik modal dan pengusaha. (*Ibid.*).

Jenis-Jenis *Muḍārabah*

Muḍārabah dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu *muḍārabah* tidak terhad (*muṭlaqah*) dan *muḍārabah* terhad (*muqayyadah*)

a. ***Muḍārabah Muṭlaqah***

Yang dimaksudkan dengan kontrak *muḍārabah muṭlaqah* ialah kontrak perniagaan yang dilakukan antara pemilik modal dengan pengusaha yang mana pengusaha tidak terikat dengan tempat, jangka waktu yang tertentu dan tidak dibatasi oleh apa-apa jenis syarat atau sekatan. Pengusaha dapat menjalankan segala bentuk perniagaan tanpa sebarang syarat seperti syarat berniaga dengan orang yang tertentu dan sebagainya. (al-Kasānī, 1982: 87; Ibn. Rusyd, t.t: 180; al-Bujayrimī, 1995: 192). Sebagai contoh pemilik modal menyerah modalnya kepada pengusaha sambil berkata “Ambillah modal ini sebagai *muḍārabah* sekiranya Allah ﷻ memberi keuntungan maka ia menjadi milik kita bersama”. Dalam hal ini pengusaha bebas untuk melaksanakan apa sahaja perniagaan, di mana-mana saja boleh dilakukan perniagaan, dan juga tidak terikat dengan masa dan individu-individu tertentu. *Muḍārabah muṭlaqah* ini telah disepakati oleh fuqaha’ tentang keharusannya.

b. *Muḍārabah Muqayyadah*

Muḍārabah Muqayyadah merupakan kontrak perniagaan atau pelaburan yang dibatasi dengan faktor-faktor yang tertentu seperti jangka masa yang tertentu, jenis perniagaan yang telah ditetapkan, terikat juga dengan tempat yang khusus dan perusahaan yang dibatasi dengan syarat-syarat yang telah digariskan. Sebahagian besar fuqaha' mengharauskan *muḍārabah muqayyadah* ini jika syarat itu berfaedah dan bermanfaat dan tidak bercanggah dengan hukum syarak. (al-Kasānī, 1982: 87; Wahbah al-Zuhaylī, 1989: 840; al-Rumānī, 1999: 235-236).

Pelaksanaan *Muḍārabah* Pada Masa Kini

Berdasarkan kepada perbincangan tentang jenis-jenis kontrak *muḍārabah* di atas, pada asalnya ia merupakan kontrak *muḍārabah fardiyyah* yang mana pemilik modal hanya satu orang sahaja. Konsep dan cara pelaksanaannya terus berkembang menurut perkembangan sistem ekonomi semasa. Justeru jumlah pemilik modal bukan lagi seorang bahkan banyak manakala pengusaha juga lebih daripada satu orang seperti amalan yang diamalkan oleh bank-bank Islam pada masa kini.

Bank-bank Islam beranggapan bahawa produk *muḍārabah* merupakan satu elemen pelaburan yang berperanan penting dalam memperkembangkan ekonomi masyarakat dewasa ini. Hasil dari perkembangan ini, maka *muḍārabah* yang dilaksanakan oleh bank Islam dapat dipecahkan kepada beberapa jenis. Antaranya ialah *muḍārabah* yang berbentuk perkongsian (*muḍārabah musytarikah*), *muḍārabah* yang tamat tempoh dengan penyerahan milik (*muḍārabah muntahiyah bi al-tamīk*) dan *muḍārabah* yang berbentuk perseorangan (*muḍārabah fardiyyah*).

1. *Muḍārabah Musytarikah*

Yang dimaksudkan dengan *muḍārabah* perkongsian atau *muḍārabah musytarikah* ialah *muḍārabah* yang berkembang daripada *muḍārabah fardiyyah* yang ditawarkan oleh bank Islam kepada pemilik modal untuk melaburkan modalnya sebagai tabungan deposit, kemudian bank selaku wakil pemilik modal atau sebagai pemilik modal menawarkannya kepada pengusaha untuk melaburkan modal tersebut. Manakala keuntungan yang diperoleh dari pelaburan itu akan dibahagi mengikut persetujuan yang dinyatakan dalam kontrak antara tiga pihak iaitu pemilik modal, bank dan pengusaha. Namun demikian segala kerugian dan risikonya ditanggung oleh pemilik modal itu sendiri. (Muḥammad °Uthmān syibir, 1999: 347).

a. Aplikasi *Muḍārabah Musytarikah*

1. Pemilik modal menabung modalnya di bank dengan cara perseorangan dan bertujuan untuk melaburkannya dalam projek yang sesuai.

ii. Bank melaksanakan penyelidikan terhadap perusahaan-perusahaan untuk mencari peluang dan kesempatan bagi melaburkan modal yang telah dikumpulkannya.

iii. Bank mengumpulkan modal daripada beberapa orang pelanggan kemudian menyerahkan modal kepada pengusaha serta membuat kontrak *muḍārabah* antara bank dengan pengusaha.

iv. Keuntungan dihitung setiap tahun dengan cara hitungan nilai barang perniagaan kepada wang tunai (*al-tanqīḍ al-taqḍīrī*) setelah mana ditolak segala perbelanjaannya.

v. Keuntungan dibahagikan antara tiga pihak iaitu pemilik modal, bank dan pengusaha. Pembahagian tersebut mestilah mengikut persetujuan ketika menanda tangani kontrak.

b. Hukum yang Berkaitan Dengan *Muḍārabah Musytarikah*

Ada beberapa hukum dalam kontrak *muḍārabah musytarikah* yang berlainan dengan hukum *muḍārabah fardiyyah*. Antaranya:

i. Hukum jaminan (*ḍamān*) terhadap modal pelaburan.

Modal pelaburan kontrak *muḍārabah* pada asalnya tidak ada jaminan seperti kontrak *al-wakālah*. Fuqaha' kontemporari mengharuskan jaminan terhadap modal *muḍārabah musytarikah* dengan cara *ta'mīn ta'āwuni*. Dr. Ḥasan Abdullāh al-Amīn pula mengharuskan jaminan terhadap modal *muḍārabah musytarikah* dalam bentuk jaminan kemasyarakatan di kalangan pemilik modal itu sendiri. Cara jaminan tersebut ialah dengan mengadakan satu tabung yang menyimpan sebahagian daripada keuntungan yang diperolehi bagi tujuan menampung dan mengganti segala risiko ke atas modal pelaburan *muḍārabah musytarikah*. (*Ibid.*: 356).

ii. Hukum berkaitan peranan bank dalam kontrak *muḍārabah musytarikah*. Fuqaha' kontemporari berpendapat bahawa bank boleh campurtangan dan berperanan dalam kontrak *muḍārabah* sebagai pengusaha atau wakil bagi pemilik modal. Dr. Muḥammad Abdullāh al-ʿArabī mengatakan bahawa kedudukan bank sama seperti pengusaha yang berfungsi sebagai pengusaha bagi kontrak *muḍārabah* yang tidak terhad (*muḍārabah muṭlaqah*) dan ia berhak menyalurkan modal pelaburan yang terkumpul di bank kepada pengusaha yang lain dengan cara kontrak *muḍārabah muṭlaqah*. Selain itu bank juga berhak untuk mengambil sebahagian daripada keuntungan kerana modal yang diserahkan oleh bank kepada pengusaha akan ditanggung oleh bank itu sendiri. Bank juga berperanan sebagai wakil bagi pemilik modal atau pelanggan untuk mengawal segala perjalanan perniagaan yang dilakukan oleh pengusaha. (*Ibid.*: 351). Fuqaha' mazhab Hanafi dan Hanbali mengharuskan amalan atau perniagaan yang biasa (*al-ʿurf*) dilaksanakan oleh para pedagang dan pengusaha. Menurut *muḍārabah musytarikah*, yang selalu diaplikasi oleh bank Islam, pengusaha dianggap sebagai pakar yang mempunyai pengalaman dalam bidangnya. (Ibn Nujaym, 1993: 266; Ibn Qudāmah, 1981: 161).

2. *Muḍārabah Muntahiyyah Bi al-Tamlīk.*

Yang dimaksudkan dengan *muḍārabah* yang tamat tempoh dengan penyerahan milik atau *muḍārabah muntahiyyah bi al-tamlīk* ialah *muḍārabah* yang dilakukan antara Bank Islam dengan pengusaha. Bank menyediakan modal manakala pengusaha melaburkan modal tersebut mengikut projek yang telah dikemukakan kepada bank, dan bank akan memberi keistimewaan kepada pengusaha untuk mengembalikan modal pelaburan mengikut perjanjian yang telah disepakati bersama antara bank dan pengusaha. *Muḍārabah* yang tamat tempoh dengan penyerahan milik ini sifatnya menyerupai kontrak *musyārakah*, modal pelaburan akan menjadi milik pengusaha apabila tamat tempoh kontraknya. Cuma yang berlainan ialah tidak ada *musyārakah* terhadap modal pelaburan, *musyārakah* di dalam urusan pelaksanaan sahaja dan modal pelaburan akan menjadi milik pengusaha mengikut syarat-syarat yang telah digaris oleh pihak bank. Oleh yang demikian tidak berlaku pertentangan antara kontrak *musyārakah* dengan kontrak *muḍārabah musytarikah* yang mana hukum syarak mengharuskan kedua-dua kontrak tersebut. (Muḥammad ^Uthmān syibir, 1999: 49-50).

Sebagai contoh : pengusaha mengajukan satu projek untuk membeli sebuah kapal laut kepada pihak bank dengan harga empat juta lima ratus ribu baht (BT 4,500,000.00), kemudian bank menggariskan beberapa syarat pembahagian keuntungan kepada pengusaha setelah ada persetujuan bersama antaranya :

- a. Pihak bank yang menyediakan modal akan mendapat keuntungan dari urusanniaga tersebut sebanyak 20 %.
- b. Pengusaha akan mendapat bahagian keuntungan sebanyak 50 %.
- c. 30 % dari keuntungan yang baki ditabungkan ke dalam akaun khusus sehingga sampai jumlah BT 4,500,000.00 (empat juta lima ratus ribu baht), kemudian bank akan menyerahkan pemilikan kapal tersebut kepada pengusaha dan wang tabungan menjadi milik bank.

Sekiranya keuntungan hasil dari urusanniaga tersebut mendapat tiga ratus ribu baht (BT 300,000.00) sebulan, maka bank akan mendapat enam puluh ribu baht (BT 60,000.00) sebulan, pengusaha akan mendapat seratus lima puluh ribu baht (BT 150,000.00) sebulan dan disimpan dalam akaun khusus sembilan puluh ribu baht (BT 90,000.00) sebulan. Kontrak ini akan mengambil masa selama 50 bulan untuk mengembalikan modal tersebut (BT 90,000.00 X 50 bulan = BT 4,500,000.00) kepada bank dan pengusaha akan memiliki kapal laut tersebut setelah selesai masa kontrak.

3. *Muḍārabah Fardiyyah* atau *Munfaridah*.

Yang dimaksudkan dengan *muḍārabah fardiyyah* ialah kontrak *muḍārabah* yang menawarkan sejumlah modal oleh Bank Islam kepada pengusaha untuk dilaburkannya dalam projek yang tertentu dan keuntungannya dibahagikan nanti mengikut persetujuan oleh kedua-dua belah pihak. *Muḍārabah fardiyyah* biasanya dilaksanakan dalam projek-projek yang kecil

dan tidak memerlukan modal yang terlalu besar. Modal utama bagi pengusaha ialah sifat amanah yang tinggi yang ada padanya walaupun pengalaman dan kemampuannya masih terbatas. Konsep *muḍārabah fardiyyah* ini sama dengan konsep *muḍārabah fardiyyah* dalam pembahagian fiqh Islami seperti yang telah dibincangkan sebelum ini. Pelaburan dalam bentuk *muḍārabah fardiyyah* sangat berperanan dalam membangunkan kilang-kilang yang kecil untuk menyediakan bahan mentah yang diperlukan oleh kilang-kilang yang besar misalnya bagi menyediakan bahan mentah dan sebagainya. (*Ibid.*: 50-51).

Sifat Kontrak *Muḍārabah*

Kontrak *muḍārabah* yang dimaksudkan di sini adalah kontrak *muḍārabah fardiyyah* iaitu satu transaksi yang melibatkan hanya pemilik modal dan pengusaha sahaja. Para fuqaha' telah bersepakat mengatakan bahawa kontrak *muḍārabah* yang belum dilaksanakan urusan perniagaan oleh pengusaha merupakan kontrak yang tidak lazim. Bahkan pemilik modal atau pengusaha mempunyai hak untuk membatalkannya.

Walau bagaimanapun para fuqaha' berbeza pendapat tentang kontrak *muḍārabah* yang telah dilaksanakan urusan perniagaan oleh pengusaha. Fuqaha' mazhab Maliki mengatakan kontrak tersebut merupakan kontrak lazim yang tidak boleh difasakh oleh mana-mana pihak kerana hal demikian dianggap boleh memberi kemudahan dan kerugian terhadap kontrak tersebut, kecuali barang perdagangan atau harta perniagaan itu telah ditukar kepada nilai wang tunai. Kontrak *muḍārabah* yang telah dilaksanakan urusan perniagaan oleh pengusaha ini juga merupakan kontrak yang dapat diwarisi. Sekiranya pengusaha mengalami kemalangan yang menyebabkan ia tidak mampu untuk meneruskan lagi perniagaannya ataupun ia meninggal dunia, sedangkan ia mempunyai anak yang bersifat amanah serta berpengalaman dalam urusan *muḍārabah* maka kontrak tersebut dapat diteruskan dan jika sebaliknya hendaklah mencari orang lain untuk menanganinya. (Ibn Rusyd, t:t: 181). Manakala fuqaha' mazhab Hanafi, Syafi'i dan Hanbali berpendapat bahawa kontrak *muḍārabah* yang telah bermula perniagaannya dianggap sebagai kontrak yang tidak lazim dan pemilik modal atau pengusaha berhak untuk memfasakhnya seperti kontrak *al-wakālah* dan kontrak *al-waḍ'ah*, dan ia juga merupakan kontrak yang tidak dapat diwarisi. (al-Kasānī, 1982: 109; al-Syarbīnī, 1958: 319; Ibn Qudāmah, 1994: 179).

Fuqaha' mazhab Hanafi mensyaratkan bahawa kontrak *muḍārabah* boleh difasakh apabila modal pelaburan telah ditukar menjadi wang tunai dan pembatalannya diketahui oleh pihak yang berkenaan. (al-Kasānī, 1982: 109). Manakala fuqaha' mazhab Syafi'i dan Hanbali berpendapat bahawa apabila kontrak *muḍārabah* telah difasakh sedangkan modal pelaburan masih dalam bentuk barang perniagaan (*al-urūd*) maka terserahlah kepada persetujuan bersama pemilik modal dan pengusaha untuk menjual atau membahagikannya. (al-Syarbīnī, 1958: 319; Ibn Qudāmah, 1981: 179).

Pembatalan Kontrak *Muḍārabah*

Kontrak *muḍārabah* merupakan kontrak yang tidak lazim, maka ia boleh dibatalkan dengan beberapa sebab. Antaranya :

Pertama: Fasakh atau pembatalan kontrak. Para fuqaha' berpendapat bahawa pemilik modal atau pengusaha berkuasa untuk membatalkan kontrak *muḍārabah* sebelum dilaksanakan urusan perniagaan mahupun sesudah dilaksanakannya. Ini kerana ia adalah kontrak yang harus bukan kontrak yang lazim, walaupun tidak ada persetujuan oleh pengusaha atau sebaliknya, seperti ungkapan pemilik modal terhadap pengusaha "Aku fasakh kontrak *muḍārabah* tersebut" atau "Aku batalkannya" atau seumpamanya. Dengan ini kontrak *muḍārabah* tersebut dianggap batal dan pengusaha tidak berhak untuk meneruskan perniagaan lagi, kecuali dalam keadaan modal pelaburan masih dalam bentuk barang perniagaan (*al-urūd*). Dalam situasi demikian pengusaha boleh meruskan penjualannya supaya diperolehi modal berbentuk wang tunai dan dapat diketahui jumlah keuntungan yang terhasil. Jika ada keuntungan ia hendaklah dibahagikan mengikut nisbah atau peratus seperti yang dipersetujui bersama. Di samping itu, semua modal pelaburan dikembalikan kepada pemiliknya jika tidak berlaku apa kerugian yang menjejaskan modal.

Kedua: Meninggal dunia. Apabila salah satu daripada *muta'āqidān* iaitu pemilik modal atau pengusaha meninggal dunia, jumhur fuqaha' berpendapat bahawa kematian pemilik modal atau pengusaha boleh membatalkan kontrak *muḍārabah* walaupun belum diketahui oleh salah satu pihak kerana *muḍārabah* merupakan kontrak *al-wakālah*. Antara sebab yang dapat membatalkan kontrak *al-wakālah* adalah kematian salah satu pihak pewakil atau penerima wakil, maka demikian juga kontrak *muḍārabah*.

Ketiga: Hilang akal. Yang dimaksudkan dengan hilang akal ialah pemilik modal atau pengusaha hilang akal atau gila. Kontrak *muḍārabah* dianggap batal sekiranya salah satu pihak hilang akal kerana kewarasan akal merupakan salah satu rukun sahnya kontrak *muḍārabah*.

Keempat: Modal pelaburan mengalami kemusnahan. Apabila modal pelaburan yang berada di tangan pengusaha yang belum melakukan urusan perniagaan mengalami kebinasaan atau hilang dengan apa carapun, maka kontrak *muḍārabah* itu dianggap batal, kerana modal merupakan rukun kontrak *muḍārabah*. Apabila salah satu rukun *muḍārabah* tiada bererti batallah kontrak tersebut. (al-Kasānī, 1982: 112; al-Ramlī, 1984: 238; Ibn ʿĀbidīn, 1994: 442; al-Syarbīnī, 1958: 319; al-Bujayrimī, 1995: 198; Ibn Qudāmah, 1981: 179; Ibn Ḥazm, t.t.: 249).

Penutup

Kontrak *muḍārabah* merupakan bentuk transaksi yang melibatkan dua belah pihak, di mana satu pihak adalah pemilik modal dan satu pihak yang lain adalah pengusaha. Manakala keuntungan yang diperoleh daripada kontrak tersebut akan dibahagi menurut persetujuan yang telah disepakati oleh kedua-dua belah pihak. Kerugian pula akan ditanggung oleh pemilik modal sahaja selama mana kerugian itu bukan akibat daripada kelalaian dan kecuian pengusaha. Prosedur tersebut adalah bertepatan dengan sistem muamalat Islam seperti yang telah diterangkan oleh al-Quran, hadis, amalan para sahabat dan ijmak para fuqaha'. Konsep *muḍārabah* pada mulanya melibatkan hanya dua pihak sahaja, iaitu pemilik modal dan pengusaha. Perkembangan sistem ekonomi Islam yang berterusan mengikut peredaran zaman telah mempengaruhi konsep *muḍārabah*. Ini kerana dewasa ini, *muḍārabah* melibatkan bank yang berperanan mengumpul modal daripada para pelabur yang ramai. Malah kadang-kadang pengusaha juga lebih daripada seorang seperti yang berlaku dalam *muḍārabah al-musytarikah*, *muḍārabah muntahiyah bi al-tamlik* dan sebagainya. Kesemuanya adalah ekoran daripada perkembangan konsep *muḍārabah al-munfaridah* yang telah dibincangkan oleh para fuqaha' yang terdahulu.

Bibliografi

- Zaydān, °Abdul Karīm. 1982. *al-Madkhal Li Dirāsah al-Syarīah al-Islāmiyyah*. C. 7, Beirut: Mu'asasat al-Risālah.
- al-Tarkamāni, Adnān Khālīd. 1992. *Dawabit al-'Aqd Fi al-Fiqh al-Islāmī*, Jiddah: Maktabat Dār al-Matbu'at al-Ḥadīthah.
- al-Buhūti, Maṣṣūr bin Yūnus bin Idrīs. 1982. *Kasysyāf al-Qinā' an Matn al-Iqnā'*. j. 3. Beirut: Dār al-Fikr.
- al-Bujayrimī, Sulaymān bin 'Umar bin Muḥammad. 1995. *Bujayrimī °Ala al-Khaṭīb*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Dusūqī, Syams al-Dīn al-Syaykh Muḥammad 'Arfaḥ. 1998. *Ḥāsiyyah al-Dusūqī °Ala al-Syarḥ al-Kabīr*. j. 3. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn °Ābidīn, Muḥammad Amīn bin 'Umar. 1994. *Radd al-Muḥtār °Ala al-Durr al-Mukhtār Syarḥ Tanwīr al-Abṣār*. j. 8. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Qudāmāh, °Abdullah bin Aḥmad bin Muḥammad. 1981. *al-Mughnī*. j. 5. Riyāḍ: Maktabat al-Riyāḍ al-Ḥadīthah.
- Ibn Qudāmāh, °Abdullāh bin Aḥmad bin Muḥammad. 1994. *al-Mughnī*. j. 5. Beirut: Dār al-Fikr.

- Ibn Manẓūr, Jamal al-Dīn Muḥammad bin Mukarram al-Ifrīqī al-Misrī. 1990. *Lisān al-ʿArab*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Ḥazm, Abu Muḥammad ʿAlī bin Aḥmad bin Saʿīd bin Ḥazm. t.t. *Al-Muḥallā*. j. 8. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Mājah, Muḥammad bin Yazīd al-Qazwīnī. 1953. *Sunan Ibn Mājah*. Kitab al-Tijārah, Bab al-syarikah wa al-muḍārabah. j. 2. Cairo: ʿIsa al-Bābī al-Halabī Wa Awlādih.
- Ibn Rusyd, Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad bin Rusyd al-Qurṭubī. t.t. *Bidāyat al-Mujtahid Wa Nihāyat al-Muqtaṣid*. j. 2. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibrāhīm Anīs, ʿAbdulḥalīm Muntaṣir, Aṭīyyah al-ṣawālīmī, Muḥammad khalaf. t.t. *al-Muʿ jam al-Wasīf*. j. 2. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Khin, Mustafā. 1992. *al-Fiqh al-Manhajī*. Damsyiq: Dār al-Qalam.
- Maḥmūd ʿAbdul karīm Aḥmad Irsyid. 2001. *al-Syāmil Fi Muʿāmalāt Wa ʿAmaliyāt al-Maṣārif al-Islāmiyyah*. Jordan: Dār al-Nafāis.
- Mālik bin Anas al- Asbahi. 1993. *al-Muwaṭṭāʿ*, c. 2. Beirut: Muʿassasat al-Risālah.
- Al-Nawawī, Maḥy al-Dīn bin Abu Zakariyā Yaḥya bin Syaraf. 1995. *al-Majmūʿ Syarḥ al-Muḥadhdhab li al- Syīrāzī*. j.15. Beirut: Dār lḥyāʿ al-Turath al-ʿArabī.
- Al-Ramlī, Syams al-Dīn Muḥammad bin Abu al-ʿAbbas Aḥmad bin Ḥamzah. 1984. *Nihāyat al- Muḥtāj Ila Syarḥ al-Minhāj*. j. 5. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Rumanī, Zayd Muḥammad. 1999. *Majallah al-Syarīʿah Wa al-Dirāsāt al-Islāmiyyah*. Kuwait University: Academic Publication Council. No. 37.
- Al-Sarkhasī, Syams al-Dīn. 1993. *al-Mabsūt*. j. 22. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Syarbīnī, Muḥammad bin Aḥmad al-Khaṭīb. 1958. *Mughni al-Muḥtāj Ila Maʿrifat Maʿānī Alfāz al-Minhāj*, j.2. Cairo: Muṣṭafa al-Bābī al-Halabī wa Awlādih.
- Al-Syawkānī, Muḥammad bin ʿAlī bin Muḥammad. t.t. *Nayl al-Awṭār Syarḥ Muntaqa al-Akḥbār Min al-Aḥādīth Sayyid al-Akhyār*. Kitab al-syarikah wa al-muḍārabah. j. 5. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Syibīr, Muḥammad Uthmān. 1999. *Muʿamalat al-Māliyah al-Muʿāṣirah fi Fiqh al- Islāmī*. c.3. Jordan: Dār al-Nafāis.
- Zayn al-Dīn bin Nujaym al-Ḥanafī. 1993. *al-Baḥr al-Rāʿiq Syarḥ Kanz al-Daqāʿ iq*. j. 7. Beirut: Dār al-Maʿrifah.
- Zuḥaylī, Wahbah . 1989. *Fiqh al-Islāmīy wa Adillatuh*. c. 3. Damsyiq: Dār al-Fikr.
- Kāsānī, ʿAlaʿ al-Dīn Abū Bakr bin Masʿūd al-Ḥanafī. 1982. *Badāʿiʿ al-Ṣanāʿiʿ fī Tartīb al-Syarāʿiʿ*. Beirut: Dār al-Kitāb al-ʿArabī.